

# **MCIS INSURANCE BERHAD** (435318-U)

Ibu Pejabat: WISMA MCIS, JALAN BARAT,  
46200 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

## **POLISI INDUK LIFE PLUS**

(Polisi Tanpa Penyertaan)

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

## **KANDUNGAN**

<b>Bahagian</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
1	Jadual Polisi Induk	3
2	Definisi Polisi	4
3	Peruntukan Am	6
4	Manfaat-Manfaat Polisi : Manfaat Kematian	13
	Manfaat: Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	14
5	Penyata Maklumat Polisi	16
6	Maklumat Penting	18

**BAHAGIAN 1: JADUAL POLISI INDUK**

Life Plus

**PELAN INSURANS KUMPULAN**

NO. POLISI KUMPULAN :  
TARIKH DIKELUARKAN :  
TARIKH PERMULAAN POLISI INDUK :  
PEMEGANG POLISI INDUK : AEON Credit Service (M) Berhad  
ALAMAT PEMEGANG POLISI INDUK :  
PERLINDUNGAN POLISI : 1 Tahun bagi setiap Ahli Utama dari Tarikh Berkuat Kuasa Sijil (Sila rujuk Sijil Insurans untuk maklumat lanjut)  
PREMIUM : RM 75.00 setiap Hayat yang Diinsuranskan (Premium Tunggal)

<b>Manfaat-manfaat</b>	<b>Jumlah Asas Diinsuranskan (RM)</b>
<b>Kematian Akibat Semula Jadi</b>	10,000.00
<b>Kematian Akibat Kemalangan</b>	30,000.00

TARIKH PERMOHONAN :

-----  
<Kakitangan yang Berkuasa>

## **BAHAGIAN 2 : DEFINISI POLISI**

Dalam Polisi Induk ini di mana selaras dengan kandungan tunggal hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya dan perkataan yang menunjukkan jantina maskulin merangkumi jantina feminin, dan perkataan yang berikut hendaklah mempunyai maksud yang bertentangan dalam senarai di bawah melainkan jika konteksnya menunjukkan maksud yang lain.

**1. KEMALANGAN**

Bermaksud kejadian secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa dan keadaan yang tertentu pada masa dan tempat yang boleh dikenal pasti yang hendaklah, tanpa bergantung pada apa-apa sebab lain, menjadi punca utama kecederaan pada anggota badan.

**2. SEBAB-SEBAB KEMALANGAN**

Bermaksud keadaan sebagai akibat dari Kemalangan.

**3. UMUR**

Bermaksud umur Hayat yang Diinsuranskan pada tarikh hari lahir berikutnya.

**4. JUMLAH ASAS DIINSURANSKAN**

Berkenaan dengan mana-mana Hayat yang Diinsuranskan bermakna amaun insurans sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi Induk.

**5. SIJIL INSURANS**

Bermaksud sijil individu yang dikeluarkan sebagai bukti perlindungan insurans.

**6. ULANG TAHUN SIJIL**

Merujuk kepada tarikh yang sama dengan Tarikh Berkuat Kuasa Sijil setiap tahun semasa tempoh Sijil Insurans.

**7. TARIKH BERKUAT KUASA SIJIL**

Bermaksud tarikh berkuat kuasa Sijil Insurans dan bermulanya perlindungan insurans di bawah Sijil Insurans seperti yang dipaparkan di dalam Sijil Insurans.

**8. TARIKH TAMAT SIJIL**

Merujuk kepada tarikh yang dinyatakan di dalam Sijil Insurans dan bermaksud Sijil Insurans tidak akan lagi berkuat kuasa.

**9. TAHUN SIJIL**

Bermaksud tempoh satu tahun dari dan termasuk Tarikh Berkuat Kuasa Sijil atau tempoh satu tahun dari dan termasuk setiap Ulang Tahun Sijil.

**10. SYARIKAT /KAMI**

Merujuk kepada MCIS Insurance Berhad

**11. AHLI YANG LAYAK**

Bermaksud seorang Ahli yang layak untuk menyertai pelan insurans di bawah Polisi Induk ini dan merupakan pelanggan kepada Pemegang Polisi Induk. Orang yang layak untuk Polisi Induk ini ialah pelanggan Pemegang Polisi Induk.

**12. PENGENDORSAN**

Bermaksud bukti bertulis mengenai sebarang pindaan, perubahan atau penukaran yang dibuat ke atas Polisi Induk dan Sijil Insurans.

**13. PELAKSANA YANG SAH**

Merujuk kepada orang yang mempunyai lantikan undang-undang yang diberikan oleh mahkamah untuk menjalankan tanggungjawab atau untuk menyelesaikan sebarang isu guaman bagi pihak mana-mana orang yang telah meninggal dunia.

**14. HAYAT YANG DIINSURANSKAN**

Bermaksud Ahli yang Layak, yang berkenaan dengannya suatu perlindungan di bawah Polisi Induk ini telah dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Sijil Insurans yang dilampirkan.

**15. POLISI INDUK**

Bermaksud perjanjian ini, mana-mana rider, atau jadual di dalamnya, sebarang pindaan padanya yang ditandatangani oleh Syarikat, permohonan Pemegang Polisi Induk, mana-mana borang cadangan individu dalam mana-mana borang lain yang ditandatangani oleh Ahli Utama atau Hayat Yang Diinsuranskan kepada Pemegang Polisi Induk yang membentuk keseluruhan Polisi Induk.

**16. PEMEGANG POLISI INDUK / ANDA**

Bermaksud entiti yang nama dan alamat adalah dinyatakan di dalam Jadual Polisi Induk dan termasuk pengantinya dalam hakmilik dan penerima serah hak.

**17. JADUAL POLISI INDUK**

Bermaksud lampiran, jadual, pindaan, atau bahan bertulis lain yang dilampirkan (ditambah) pada Dokumen Polisi Induk untuk diubahsuai.

**18. SEBAB-SEBAB SEMULA JADI**

Bermaksud mana-mana kesakitan atau penyakit tetapi bukan Kemalangan.

**19. TANPA PENYERTAAN**

Polisi Induk ini tidak menyertai dalam keuntungan perniagaan insurans hayat Syarikat.

**20. PREMIUM**

Bermaksud jumlah premium seperti dinyatakan pada Jadual Polisi Induk dan Sijil Insurans.

**21. AHLI UTAMA**

Bermaksud orang yang dinamakan dalam Sijil Insurans yang merupakan pemilik Sijil Insurans dan boleh melaksanakan semua hak, kelebihan dan pilihan yang tersedia di bawah Sijil Insurans.

**22. POLISI AMANAH**

Polisi insurans di mana Penama adalah pasangan suami atau isteri atau anak Ahli Prinsipal, atau jika tidak ada pasangan suami atau isteri atau anak ketika penamaan, ibu bapanya. Di bawah polisi tersebut, wang polisi tidak membentuk sebahagian daripada pusaka atau aset Ahli Utama yang meninggal dunia dan tidak tertakluk kepada hutangnya.

**23. PEMEGANG AMANAH**

Orang yang diberi hak bagi harta benda yang beliau pegang bukan untuk kepentingan sendiri tetapi sebagai amanah untuk manfaat atau kepentingan orang lain.

[Baki Halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

## **BAHAGIAN 3 : PERUNTUKAN AM**

### **1. POLISI INDUK**

- 1.1 Polisi Induk ini dan oleh itu borang permohonan (salinan yang dilampirkan bersama-sama ini), akan membentuk keseluruhan polisi di antara Syarikat dan Pemegang Polisi Induk.
- 1.2 Semua Kenyataan yang dibuat oleh Pemegang Polisi Induk atau oleh Hayat yang Diinsuranskan akan disifatkan sebagai representasi dan jaminan dan mungkin mempengaruhi sebarang tuntutan di bawah ini dan/atau dibawah mana-mana Sijil Insurans individu.
- 1.3 Tiada ejen atau broker diberi kuasa untuk membuat atau mengubah suai Polisi Induk ini, untuk melanjutkan masa bagi pembayaran premium, untuk mengetepikan sebarang keluputan atau pelucutan hak, untuk mengetepikan mana-mana hak atau syarat Syarikat, atau untuk mengikat Syarikat dengan membuat apa-apa janji atau dengan menerima apa-apa gambaran atau maklumat di dalam Polisi Induk ini. Polisi Induk ini tidak boleh diubah kecuali secara bertulis oleh Kakitangan yang diberi kuasa atau mana-mana orang yang dilantik oleh Lembaga Pengarah untuk tujuan ini.
- 1.4 Dengan syarat premium telah dibayar dan diakui, insurans di bawah Polisi Induk ini tidak dapat dinafikan, kecuali dalam hal penipuan atau salah pernyataan secara sengaja di pihak Pemegang Polisi Induk dan atau mana-mana Ahli Utama dan/atau Hayat yang Diinsuranskan.
- 1.5 Resit rasmi bagi sebarang premium hanya akan dikeluarkan atas permintaan.
- 1.6 Polisi Induk ini pada bila-bila masa boleh diubah atau ditukar dengan persetujuan bertulis di antara Syarikat dan Pemegang Polisi Induk. Sebarang pindaan pada polisi induk ini hendaklah mengikat semua Ahli Utama dan/atau Hayat yang Diinsuranskan sama ada perlindungan di bawah Polisi Induk ini sebelum atau pada atau selepas tarikh berkuat kuasa pindaan.

### **2. TEMPOH PERLINDUNGAN**

- 2.1 Tempoh perlindungan insurans bagi setiap Hayat yang Diinsuranskan adalah satu (1) tahun dari Tarikh Berkuat Kuasa Sijil Insurans (termasuk manfaat pilihan (jika ada)).

### **3. TEMPOH BERTENANG**

- 3.1. Ahli Utama mempunyai lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran dokumen polisi untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat perlindungan insurans tersebut. Ahli Utama boleh menamatkan perlindungan insurans tersebut dalam tempoh lima belas (15) hari Tempoh Bertenang.
- 3.2. Jika Ahli Utama memutuskan untuk tidak menyambung perlindungan insurans disebabkan apa-apa sebab dalam tempoh bertenang, Ahli Utama boleh membatalkan perlindungan insurans dengan menghantar permohonan rasmi bertulis untuk pembatalan tersebut kepada Kami atau Pemegang Polisi Induk.
- 3.3. Pemegang Polisi Induk hendaklah segera memaklumkan kepada Syarikat untuk membatalkan perlindungan insurans untuk Ahli Utama setelah menerima permintaan tersebut.
- 3.4. Syarikat akan membayar balik premium yang telah dibayar sepenuhnya kepada Pemegang Polisi Induk jika pembatalan Sijil Insurans berlaku dalam Tempoh Bertenang.
- 3.5. Setelah pembatalan, perlindungan insurans bagi Sijil Insurans tersebut akan dianggap tidak berkuat kuasa dari Tarikh Berkuat Kuasa Insurans.

### **4. TUNTUTAN**

- 4.1. Notis bertulis bagi pemberian tuntutan, antara lain, butir-butir penuh peristiwa kematian perlu dikemukakan oleh Pemegang Polisi Induk atau Penama atau Pelaksana yang sah kepada Syarikat dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kematian Hayat yang Diinsuranskan, atau secepat mungkin:

- a) Salinan Sijil Kematian yang diakui sah; dan
  - b) Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (NRIC) Penama dan Hayat yang Diinsuranskan; dan
  - c) Borang Tuntutan Kematian yang yang lengkap diisi; dan
  - d) Borang permohonan E-Bayaran; dan
  - e) Sebarang dokumen lain yang diperlukan oleh Syarikat.
- 4.2. Notis mana-mana tuntutan atas kematian mana-mana Hayat yang Diinsuranskan hendaklah diberikan oleh Pemegang Polisi Induk atau Penama atau Pelaksana yang sah kepada Syarikat secepat yang dapat dilaksanakan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh enam puluh (60) hari kematian Hayat yang Diinsuranskan.
- 4.3. Jumlah Asas Diinsuranskan di bawah Polisi Induk ini berkenaan dengan mana-mana Hayat yang Diinsuranskan tidak boleh dibayar sehingga sijil kematian, bukti umur dan semua maklumat yang diperlukan untuk menentukan sama ada Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar berkenaan dengan Hayat Yang Diinsuranskan dan jumlah yang Jumlah Asas Diinsuranskan telah diserahkan.
- 4.4. Semua tuntutan di bawah Polisi Induk ini akan diselesaikan secara langsung oleh Syarikat dengan Penama atau Pelaksana yang sah.

## **5. PENYERTAAN AHLI**

### **5.1. Kelayakan**

- 5.1.1. Individu yang layak untuk dilindungi di bawah Polis Induk ini adalah Warganegara Malaysia dan berumur di antara lapan belas (18) tahun dan enam puluh lima (65) tahun hari jadi berikutnya.
- 5.1.2. Jika tuntutan timbul dan umur pada masa tuntutan adalah di luar lingkungan umur kemasukan dan umur tamat, pembayaran balik premium yang dibayar akan dibuat untuk tempoh yang Hayat yang Diinsuranskan tidak layak. Tiada pampasan yang lain akan dilakukan kepada Penama atau Pelaksana yang sah.
- 5.1.3. Tiada Ahli yang Layak akan diberi perlindungan, dan tiada peningkatan dalam Jumlah Asas Diinsuranskan atau manfaat berkenaan dengan mana-mana Hayat yang Diinsuranskan akan berkuat kuasa, di bawah Polisi Induk ini, melainkan jika pemberitahuan telah dibuat dengan sewajarnya dan Syarikat telah mengemukakan cadangan penerimaan risiko.
- 5.1.4. Ahli Utama layak dilindungi sehingga tiga (3) Sijil Insurans bagi setiap Ahli Utama dan/atau Hayat Diinsuranskan di bawah Polisi Induk ini dalam mana-mana satu tempoh perlindungan. Jika Ahli Utama dan/atau Hayat Yang Diinsuranskan dilindungi di bawah tiga (3) Sijil Insurans yang masih berkuat kuasa, tiada perlindungan tambahan akan dibenarkan. Manfaat bagi setiap Sijil Insurans yang berkuat kuasa akan dibayar dan Sijil Insurans akan ditamatkan selepas pembayaran tuntutan kematian di bawah Sijil Insurans tersebut.

### **5.2. Data yang Diperlukan**

- 5.2.1. Pemegang Polisi Induk hendaklah menyimpan rekod berkenaan dengan setiap Ahli Utama dan/atau Hayat yang Diinsuranskan di bawah Polisi Induk ini, yang menunjukkan maklumat Hayat Yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan dan maklumat lain yang berkaitan yang mungkin diperlukan untuk melaksanakan syarat-syarat Polisi Induk ini.
- 5.2.2. Pemegang Polisi Induk harus mendapat persetujuan nyata dari Ahli Utama dan/atau Hayat yang Diinsuranskan bahawa data peribadinya seperti yang disebutkan di atas dalam 5.2.1 akan dikongsi dengan Syarikat dan harus mendokumentasikan hal yang sama untuk tujuan catatan dan audit dan untuk tujuan pematuhan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- 5.2.3. Pemegang Polisi Induk hendaklah memberikan rekod yang lengkap kepada Syarikat yang mengandungi semua butiran ketika pendaftaran.

5.2.4. Setelah atau berkenaan dengan kejadian yang mempengaruhi atau berkaitan dengan perlindungan mana-mana Ahli yang Layak di bawah Polisi Induk ini, Pemegang Polisi Induk akan memberikan nasihat kepada Penama atau Pelaksana yang sah untuk menghubungi Syarikat mengenai prosedur-prosedur tuntutan.

5.2.5. Syarikat dibenarkan untuk memeriksa rekod Pemegang Polisi Induk pada setiap masa yang munasabah, selagi mana berkaitan dengan isi penting Polisi Induk ini.

### **5.3. Tarikh Berkuat Kuasa Insurans**

Perlindungan insurans bagi setiap Hayat yang Diinsuranskan akan berkuat kuasa pada Tarikh Berkuat Kuasa Sijil seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.

## **6. PREMIUM**

6.1. Premium tersebut ialah premium tunggal. Premium dibayar oleh Pemegang Polisi Induk kepada Syarikat.

6.2. Amaun premium ialah RM 75.00 bagi setiap Hayat yang Diinsuranskan dan kadar premium adalah sama bagi semua jantina dan peringkat umur.

6.3. Premium adalah termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan 'CJP'.

## **7. SEKATAN DAN AKTIVITI-AKTIVITI HARAM/TIDAK SAH**

7.1. Syarikat mungkin tertakluk kepada pembatasan yang dikenakan oleh sekatan ekonomi dan perdagangan serta undang-undang yang dibuat sama ada oleh badan/negara antarabangsa atau Bank Negara Malaysia.

7.2. Oleh itu, Syarikat tidak akan memberi perlindungan kepada Hayat yang Diinsuranskan atau tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberi manfaat kepadanya sekiranya ia mendedahkan Syarikat kepada sebarang sekatan atau sebarang tindakan undang-undang dan peraturan lain yang berkenaan. Ia terpakai kepada Ahli Utama dan/atau mana-mana individu yang dikaitkan dengan Polisi Induk ini dan Sijil Insurans.

7.3. Selaras dengan Seksyen 16(3) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Syarikat berhak untuk menahan atau menamatkan permohonan perniagaan, polisi atau urus niaga termasuk bayaran tuntutan di bawah Polisi Induk ini dan Sijil Insurans sebagaimana dianggap sesuai dan wajar. Syarikat akan menguruskan semua wang yang perlu dibayar berkaitan dengan Polisi Induk ini dan Sijil Insurans menggunakan cara yang dianggap wajar, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau potensi kerugian yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang langkah yang diambil selaras dengan klausa ini.

## **8. PENYERAHAN HAK**

8.1. Perlindungan yang diberikan di dalam ini dan manfaat dibayar di bawah perlindungan tersebut tidak boleh ditukar hakmilik.

## **9. BUKTI UMUR**

9.1. Bukti dokumen umur yang memuaskan kepada Syarikat adalah dikehendaki sebelum apa-apa manfaat berkenaan dengan apa-apa insurans di bawah Polisi Induk ini akan dibayar.



## **10. SALAH NYATA**

- 10.1. Bukti umur Hayat yang Diinsuranskan yang memuaskan kepada Syarikat akan diperlukan sebelum apa-apa manfaat berkenaan dengan mana-mana Hayat yang Diinsuranskan dibayar di bawah Polisi Induk ini.
- 10.2. Umur yang dinyatakan di dalam Sijil Insurans adalah Umur Hayat Yang Diinsuranskan pada Tarikh Berkuat Kuasa Sijil. Umur ini adalah berdasarkan tarikh lahir yang dinyatakan dalam borang permohonan.
- 10.3. Di mana Umur Hayat yang Diinsuranskan telah tersalah nyata, kaedah-kaedah yang berikut hendaklah terpakai:
  - a) Jika Umur Hayat Yang Diinsuranskan yang betul adalah di luar julat minimum atau maksimum seperti yang dinyatakan di dalam ini, perlindungan ini akan dibatalkan dan premium dibayar balik kepada Hayat yang Diinsuranskan tanpa faedah.

## **11. PRASYARAT LIABILITI**

- 11.1. Pematuhan dan pelaksanaan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Polisi Induk ini setakat yang ia berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pemegang Polisi Induk atau Hayat yang Diinsuranskan dan kebenaran kenyataan dan jawapan di dalam borang permohonan bagi perlindungan berkenaan dengan mana-mana individu atau berkenaan dengan apa-apa tuntutan hendaklah menjadi syarat pendahulu pada sebarang liabiliti Syarikat.

## **12. PENGUBAHSUAIAN**

- 12.1. Tertakluk kepada Klausula 22.1, Syarikat mempunyai hak untuk mengubah terma-terma dan peruntukan-peruntukan Polisi Induk ini dengan persetujuan bersama daripada Pemegang Polisi Induk ketika Polisi Induk dan Sijil Insurans kekal berkuat kuasa dengan memberi tiga puluh (30) hari notis secara bertulis kepada Pemegang Polisi Induk. Syarikat boleh meminta Polisi Induk dihantar kepada Syarikat untuk melaksanakan pengendorsan Polisi Induk ini.

## **13. PEMBERITAHUAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN**

- 13.1. Syarikat dikehendaki memaklumkan dengan segera secara bertulis kepada Pemegang Polisi Induk melalui pegawai Syarikat yang diberi kuasa jika ia menyedari terdapat sebarang keperluan undang-undang berkanun selepas pengisytiharan secara terbuka mempunyai kesan buruk yang material ke atas kemampuan Syarikat untuk melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini.

## **14. PENDEDAHAN PENUH**

- 14.1. Semua fakta material dan kejadian sehingga Tarikh Berkuat Kuasa Sijil insurans berkenaan dengan mana-mana Hayat yang Diinsuranskan di bawah Polisi Induk ini hendaklah didedahkan sepenuhnya kepada Syarikat. Mana-mana ketakdedahan atau salah nyata atau penipuan akan melayakkan Syarikat untuk menghindari semua atau apa-apa liabiliti yang berbangkit di bawah insurans yang dilaksanakan berkenaan dengan Hayat yang Diinsuranskan berkenaan.

## **15. MATA WANG**

- 15.1. Semua mata wang yang disebut dalam Polisi Induk ini merujuk kepada Ringgit Malaysia (RM) kecuali dinyatakan sebaliknya.

## **16. UNDANG-UNDANG TERPAKAI**

- 16.1. Polisi Induk ini dan Sijil Insurans, dan segala hak, kewajipan dan liabiliti yang berbangkit di bawah ini, akan dikawal dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

## 17. CUKAI

17.1. Syarikat akan mengenakan sebarang cukai yang dikenakan kepada Pemilik Polisi Induk (sama ada sedang berkuat kuasa atau akan dilaksanakan kemudian) pada kadar semasa seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa, bagi sebarang yuran pemprosesan, yuran polisi, yuran perkhidmatan, premium, caj insurans yang dikenakan atau bagi sebarang perkhidmatan atau bekalan yang diberikan di bawah ini.

## 18. PEMBATALAN (SETELAH TEMPOH BERTENANG)

18.1. Jika Ahli Utama memutuskan untuk tidak menyambung perlindungan insurans disebabkan apa-apa sebab dalam tempoh bertenang, Ahli Utama boleh membatalkan perlindungan insurans dengan menghantar permohonan rasmi bertulis untuk pembatalan tersebut kepada Pemegang Polisi Induk atau Syarikat.

18.2. Jika Ahli Utama membatalkan perlindungan setelah tempoh bertenang, tiada pembayaran balik atau tiada premium pro-rata akan dibayar balik.

18.3. Apabila Ahli Utama membatalkan Sijil Insurans selepas tempoh bertenang, pembatalan tersebut akan berkuat kuasa pada Tarikh Tamat Sijil.

## 19. PENAMATAN

### 19.1. Penamatan Polisi Induk

a) Polisi Induk ini boleh ditamatkan sama ada oleh Pemegang Polisi Induk atau Syarikat dengan memberikan notis pembatalan kepada pihak yang lain sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh penamatan tersebut berkuat kuasa.

(i) Syarikat berhak untuk membatalkan **portfolio secara keseluruhannya** dengan memberi notis sembilan puluh (90) hari kepada Pemegang Polisi Induk jika ia membuat keputusan untuk tidak meneruskan mengunderait produk insurans ini.

(ii) Polisi Induk akan tamat pada tarikh akhir dipersetujui oleh Pemegang Polisi . Namun begitu, perlindungan bagi setiap Hayat yang Diinsuranskan akan tamat pada Tarikh Tamat Sijil.

(iii) Penamatan tidak akan mempengaruhi tuntutan yang timbul sebelum tarikh efektif penamatan tersebut.

### 19.2. Penamatan Sijil Insurans

(a) Sijil Insurans akan ditamatkan secara automatik pada tarikh paling awal apabila berlaku mana-mana keadaan berikut:-

(i) apabila Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia;

(ii) pada Tarikh Tamat Sijil apabila Syarikat membuat keputusan tidak meneruskan pengunderaitan produk insurans ini;

(iii) pada akhir Tahun Sijil apabila Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur enam puluh enam (66) tahun;

(iv) apabila Sijil Insurans menjadi tidak sah;

(v) apabila Sijil Insurans menjadi luput;

(vi) apabila tiada bayaran premium diterima pada tarikh yang perlu dibayar;

(vii) sebarang tarikh lain di mana Ahli Utama tidak lagi layak mendapat perlindungan;

(viii) pada Tarikh Tamat Sijil seperti dinyatakan dalam Sijil Insurans; atau

(ix) pada Tarikh Tamat Sijil selepas permohonan bertulis daripada Ahli Utama untuk menamatkan Sijil Insurans telah diterima oleh Syarikat.

## **20. PROSIDING UNDANG-UNDANG**

20.1. Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti boleh dibuat untuk mendapatkan semula Polisi Induk ini sebelum tamat enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis mengenai kerugian diserahkan selaras dengan syarat-syarat Polisi Induk ini. Jika Pemegang Polisi Induk gagal menyerahkan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang ditetapkan oleh terma-terma, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Polisi Induk ini, Pemegang Polisi Induk boleh, dalam tempoh tangguh satu tahun kalendar dari masa bukti bertulis mengenai kerugian perlu dilengkapkan, menyerahkan bukti kerugian yang berkaitan kepada Syarikat dengan alasan yang kukuh tentang kegagalan untuk mematuhi terma-terma, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Polisi Induk. Penerimaan bukti kerugian tersebut adalah atas budi bicara mutlak dan sepenuhnya oleh Syarikat. Selepas tempoh tangguh tamat, Syarikat tidak akan menerima, atas sebarang sebab, bukti bertulis tentang kerugian tersebut.

## **21. SALAH NYATA/ PENIPUAN**

21.1. Jika cadangan atau perakuan Ahli Utama dan/atau Hayat yang Diinsuranskan didapati tidak benar dalam sebarang bentuk atau jika fakta penting yang mempengaruhi risiko tidak dinyatakan dengan betul atau ditinggalkan, atau jika insurans ini, penguatkuasaan semula atau sebarang pembaharuan telah diperolehi melalui mana-mana salah nyata, salah perwakilan atau disekat, atau jika mana-mana tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokongnya, dengan itu dalam mana-mana kes tersebut, Sijil Insurans ini menjadi tidak sah tertakluk kepada remedi yang tersedia di dalam undang-undang dan peraturan yang mengawal selia.

## **22. PERUBAHAN DALAM PERUNTUKAN-PERUNTUKAN /KLAUSA-KLAUSA**

22.1. Kami berhak untuk meminda terma dan peruntukan (peruntukan-peruntukan)/klausula(klausula-klausula) yang terkandung di dalam Polisi Induk ini untuk mematuhi Undang-undang Malaysia atau mana-mana badan berkanun atau penguatkuasaan kerajaan atau persatuan yang mempunyai kuasa penyeliaan atau bidang kuasa ke atas Kami. Kami mungkin melakukan perubahan yang sewajarnya kepada mana-mana peruntukan (peruntukan-peruntukan)/klausula (klausula-klausula) di dalam Polisi Induk ini dengan memberi notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui di dalam rekod Kami, atau melalui emel atau sebarang kaedah komunikasi lain.

## **23. NILAI TUNAI**

23.1. Polisi Induk atau Sijil Insurans ini tidak mempunyai sebarang nilai tunai.

## **24. PENAMA**

24.1. Ahli Utama yang telah mencapai umur enam belas (16) tahun (umur pada hari lahir berikutnya) boleh melantik penama untuk menerima manfaat Sijil Insurans (jika ada). Penamaan boleh dibuat pada masa Sijil Insurans dikeluarkan. Jika Ahli Utama tidak menerimanya, beliau boleh memohonnya daripada Kami.

24.2. Sekiranya terdapat baki tuntutan dan Hayat yang Diinsuranskan telah meninggal dunia, tuntutan akan dibayar kepada Penama atau Pelaksana yang sah.

24.3. Pelantikan dan pembatalan penama dikawal selia oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

## **25. DUTI SETEM**

25.1. Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh Anda.

## **26. TEMPOH TANGGUH**

- 26.1. Tempoh Tangguh selama tiga puluh (30) hari dari Tarikh Berkuat Kuasa Sijil atau invoice cukai premium oleh MCIS Insurance Berhad, yang mana terkemudian, akan dibenarkan untuk pembayaran premium daripada Pemegang Polisi Induk. Sijil Insurans akan terus berkuat kuasa dalam tempoh tersebut. Jika MCIS Insurance Berhad tidak menerima premium sepenuhnya daripada Pemegang Polisi Induk dalam Tempoh Tangguh, Sijil Insurans akan luput atau berhenti berkuat kuasa selepas tempoh tersebut tamat.

**[Baki Halaman ini sengaja dibiarkan kosong]**

## **BAHAGIAN 4 : MANFAAT- MANFAAT POLISI**

Manfaat Polisi di bawah akan terpakai jika ia dinyatakan di dalam Jadual Polisi Induk.

### **1. MANFAAT KEMATIAN AKIBAT SEMULA JADI**

- 1.1. Syarikat akan membayar Jumlah Asas Diinsuranskan kepada Penama atau Pelaksana yang sah, ditolak apa-apa manfaat dipercepatkan yang dituntut sebelum ini, secara sekaligus dan perlindungan akan ditamatkan.
- 1.2. Pilihan Manfaat Kematian yang boleh didapati di bawah Polisi Induk ini ialah **Manfaat Kematian Akibat Semula Jadi**. Perlindungan ini hanya meliputi Kematian disebabkan oleh Akibat Semula jadi.
- 1.3. Syarikat akan membayar Jumlah Asas Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi Induk yang dilampirkan sekiranya berlaku Kematian Hayat yang Diinsuranskan disebabkan oleh akibat semula jadi.

### **2. TUNTUTAN**

- 2.1. Syarikat akan membayar Manfaat Kematian secara sekaligus kepada Penama atau Pelaksana yang sah apabila menerima yang berikut:
  - a) Notis tuntutan bertulis; dan
  - b) Salinan Sijil Kematian yang diakui sah; dan
  - c) Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (NRIC) Penama dan Hayat yang Diinsuranskan; dan
  - d) Borang Tuntutan Kematian yang lengkap diisi; dan
  - e) Borang permohonan E-Bayaran; dan
  - f) Sebarang dokumen lain yang diperlukan oleh Syarikat.
- 2.2. Notis bertulis mengenai tuntutan mesti diserahkan kepada Syarikat dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kematian Hayat yang Diinsuranskan, melainkan jika dapat ditunjukkan bahawa ia adalah tidak mungkin untuk memberikan notis yang lebih awal dan notis itu telah diberikan dengan seberapa segera yang mungkin.

### **3. PENGECUALIAN**

- 3.1. Manfaat kematian tidak akan dibayar jika Hayat yang Diinsuranskan:-
  - a) Mencederakan diri sendiri atau bunuh diri sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa Sijil ; atau
  - b) Semasa atau akibat daripada melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang atau sebarang tindakan yang bertentangan dengan undang-undang di Malaysia.

Sekiranya berlaku peristiwa tersebut, kami akan mengembalikan premium yang telah dibayar kepada Pemegang Polisi Induk tanpa faedah dan sijil insurans akan ditamatkan selepas itu.

### **4. PENAMATAN PERLINDUNGAN**

- 4.1. Perlindungan akan ditamatkan secara automatik pada tarikh paling awal apabila berlaku mana-mana keadaan berikut:-
  - (i) Setelah kematian Hayat yang Diinsuranskan;
  - (ii) pada Tarikh Tamat Sijil, apabila Syarikat memutuskan untuk menghentikan pengunderaitan yang ditawarkan bagi produk ini;
  - (iii) akhir Tahun Sijil apabila Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur enam puluh enam (66) tahun;
  - (iv) apabila Sijil Insurans menjadi tidak sah;
  - (v) apabila Sijil Insurans menjadi luput;
  - (vi) setelah tiada pembayaran premium pada tarikh yang perlu dibayar;
  - (vii) sebarang tarikh lain di mana Ahli Utama tidak lagi layak mendapat perlindungan;
  - (viii) Pada Tarikh Tamat Sijil sebagaimana yang dinyatakan dalam Sijil Insurans; atau
  - (ix) Pada Tarikh Tamat Sijil selepas permohonan bertulis daripada Ahli Utama untuk menamatkan Sijil Insurans telah diterima oleh Syarikat.

## **MANFAAT: MANFAAT KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN**

### **1. MANFAAT - MANFAAT**

1.1. Manfaat-manfaat di bawah akan terpakai jika ia dinyatakan di dalam Jadual Polisi Induk.

1.2. Kematian Akibat Kemalangan

- a) Syarikat akan membayar Jumlah Asas Diinsuranskan kepada Penama atau Pelaksana yang sah jika Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia disebabkan kemalangan, perlindungan tersebut akan ditamatkan setelah pembayaran tuntutan dibawah manfaat ini.
- b) Syarikat akan membayar Jumlah Asas Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi Induk yang dilampirkan sekiranya berlaku Kematian Hayat yang Diinsuranskan disebabkan oleh Akibat Kemalangan.

### **2. TUNTUTAN**

2.1. Syarikat akan membayar Manfaat Kematian secara sekaligus kepada Penama atau Pelaksana yang sah apabila menerima yang berikut:

- a) Notis tuntutan bertulis; dan
- b) Salinan Sijil Kematian yang diakui sah; dan
- c) Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (NRIC) Penama dan Hayat yang Diinsuranskan; dan
- d) Borang Tuntutan Kematian yang lengkap diisi; dan
- e) Laporan Polis; dan
- f) Laporan Bedah Siasat; dan
- g) Borang permohonan E-Bayaran; dan
- h) Sebarang dokumen lain yang diperlukan oleh Syarikat.

2.2. Notis bertulis mengenai tuntutan mesti diserahkan kepada Syarikat dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kematian Hayat yang Diinsuranskan, melainkan jika dapat ditunjukkan bahawa ia adalah tidak mungkin untuk memberikan notis yang lebih awal dan notis itu telah diberikan dengan seberapa segera yang mungkin.

2.3. **Bukti Kehilangan:**

- a) Penama atau Pelaksana yang sah hendaklah menjalankan mana yang berkaitan untuk menyerahkan kepada Syarikat bil terperinci asal dan resit berkenaan dengan perbelanjaan perubatan dan bayaran yang dikenakan. Penama atau Pelaksana yang sah berhak, atas kosnya sendiri, untuk menjalankan apa-apa pemeriksaan bedah siasat yang difikirkannya patut.
- b) Notis bagi apa-apa tuntutan atas kematian mana-mana Hayat yang Diinsuranskan hendaklah diberikan oleh Penama atau Pelaksana yang sah kepada Syarikat secepat yang dapat dilaksanakan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kematian Hayat yang Diinsuranskan.
- c) Semua sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah disediakan dengan perbelanjaannya ditanggung oleh wakil peribadi Hayat yang Diinsuranskan dan hendaklah dalam bentuk dan jenis yang ditetapkan oleh Syarikat.
- d) Syarikat mempunyai hak dan peluang untuk mewajibkan bedah siasat dilakukan apabila berlaku kematian dengan syarat bedah siasat itu tidak dilarang oleh undang-undang.
- e) Sebarang laporan perubatan yang diminta oleh Syarikat atau diserahkan kepada Syarikat, diagnosis laporan perubatan tersebut mesti diberikan oleh hospital atau klinik yang diperakui di Malaysia.

2.4. Semua tuntutan di bawah Polisi Induk ini akan diselesaikan secara langsung oleh Syarikat dengan Penama atau Pelaksana yang sah apabila tuntutan tersebut telah dibuktikan hingga memuaskannya hati Syarikat dan jumlah amaun pampasan itu hendaklah telah ditentukan dan dipersetujui.

### 3. PENGECUALIAN

3.1. Manfaat tersebut tidak melindungi kematian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana satu daripada kejadian berikut:

- a) Mencederakan diri sendiri atau bunuh diri sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa Sijil; atau
- b) Kelemahan badan atau gangguan mental atau fungsi atau sebarang bentuk penyakit atau kesakitan, sebarang jangkitan melainkan jangkitan yang berlaku secara serentak dan disebabkan oleh kecederaan atau luka akibat kemalangan; atau
- c) Mengambil racun atau terhidu gas, sama ada secara sukarela atau sebaliknya; atau
- d) Apa-apa kematian akibat daripada:
  - (i) Semasa bertugas dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, polis atau bomba.
  - (ii) Dari pencerobohan perang, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi tentera atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan atau kekecohan awam.
  - (iii) Ketika terlibat dalam aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang biasa yang membayar tambang atau anak kapal dalam perkhidmatan penerbangan awam biasa) atau penerbangan udara walau apa pun sifatnya sama ada untuk sukan atau rekreasi.
  - (iv) Sebagai hasil daripada melakukan, mencuba atau memprovokasi serangan atau jenayah atau dari mana-mana pelanggaran undang-undang.
  - (v) Ketika di bawah pengaruh alkohol, dadah atau narkotik;
  - (vi) Ketika terlibat dalam sukan profesional, polo, terjun bungee, lumba berhalangan, mendaki gunung, sukan musim sejuk, memburu.
  - (vii) Dari melibatkan diri dalam luncur air, Selaman Skuba, Terjunan Dari Udara atau apa-apa aktiviti di dalam air.
  - (viii) Ketika terlibat dalam sebarang jenis perlumbaan selain daripada menggunakan kaki.
  - (ix) Pendedahan yang sengaja atau cuai kepada risiko atau bahaya yang tidak perlu.

### 4. PENAMATAN PERLINDUNGAN

4.1. Penamatan tidak akan menjejaskan apa-apa tuntutan yang berasal sebelum tarikh berkuat kuasa penamatan itu.

4.2. Perlindungan akan ditamatkan secara automatik pada tarikh paling awal apabila berlaku man-mana keadaan berikut: -

- (i) Setelah kematian Hayat yang Diinsuranskan;
- (ii) pada Tarikh Tamat Sijil, apabila Syarikat memutuskan untuk menghentikan pengunderaitan yang ditawarkan bagi produk ini;
- (iii) akhir Tahun Sijil apabila Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur enam puluh enam (66) tahun;
- (iv) apabila Sijil Insurans menjadi tidak sah;
- (v) apabila Sijil Insurans menjadi luput;
- (vi) setelah tiada pembayaran premium pada tarikh yang perlu dibayar;
- (vii) sebarang tarikh lain di mana Ahli Utama tidak lagi layak mendapat perlindungan;
- (viii) Pada Tarikh Tamat Sijil sebagaimana yang dinyatakan dalam Sijil Insurans; atau
- (ix) Pada Tarikh Tamat Sijil selepas permohonan bertulis daripada Ahli Utama untuk menamatkan Sijil Insurans telah diterima oleh Syarikat.

## PENYATA MAKLUMAT POLISI

Untuk dibaca bersama dokumen Polisi Induk yang dilampirkan.

1. Bukti umur Hayat yang Diinsuranskan diperlukan sebelum pembayaran mana-mana manfaat di bawah Sijil Insurans melainkan umur telah diperakui.
2. Kemudahan pembayaran premium berikut disediakan kepada Pemegang Polisi Induk untuk memindahkan premium kepada Kami.
  - Pindahan Dana

Kami mempunyai hak untuk mengubah amalan semasa Kami apabila perlu.

3. Kenyataan ini ditujukan kepada Ahli Utama. Di bawah subperenggan 5(1), Jadual 10, Seksyen 130 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 memperuntukkan penamaan bagi orang atau orang-orang untuk menerima wang Polisi semasa permohonan insurans hayat atau selepas Sijil Insurans dikeluarkan. Borang Penamaan akan diberikan kepada Ahli Utama oleh Syarikat. Jika Ahli Utama tidak menerima borang tersebut, sila dapatkannya daripada Kami.
4. Penama bagi Hayat yang Diinsuranskan yang beragama Islam yang menerima wang polisi akan membahagikan bayaran tersebut mengikut Undang-undang Syariah.
5. Di bawah Polisi Amanah, Pemilik Polisi Induk tidak boleh mengubah, menyerahkan Polisi Induk, atau membuat penyerahan hak atau menyandarkan Polisi Induk sebagai cagaran, tanpa keizinan bertulis daripada Pemegang Amanah.
6. Untuk sebarang pertanyaan atau perkhidmatan berkaitan Polisi Induk /Sijil Insurans ini, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan Kami:
  - a. 03-7652 3388; atau
  - b. [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my); atau
  - c. menulis ke alamat seperti yang tertera pada muka depan Polisi ini.

Sebagai alternatif, Anda juga boleh mendapatkan bantuan daripada Pejabat Cawangan Syarikat yang terdekat.

7. Kenyataan ini juga ditujukan kepada Ahli Utama. Untuk membolehkan Syarikat memaklumkan kepada Pemegang Polisi Induk dan Ahli Utama bagi perubahan maklumat penting yang perlu atau sebarang perkara berkaitan Polisi Induk/ Sijil Insurans, Pemegang Polisi Induk dan Ahli Utama diminta agar memaklumkan kepada Syarikat alamat surat-menyurat terkini dan juga alamat terkini penama-penama.
8. Kenyataan ini ditujukan kepada Ahli Utama. Jika Ahli Utama memutuskan untuk tidak menyambung perlindungan insurans setelah Tempoh Bertenang, Ahli Utama boleh membatalkan perlindungan insurans dengan menghantar permohonan rasmi bertulis untuk pembatalan tersebut kepada Pemegang Polisi Induk atau Syarikat.

Jika Ahli Utama membatalkan perlindungan setelah tempoh bertenang, tiada pembayaran balik atau tiada premium pro-rata akan dibayar balik.

Apabila Ahli Utama membatalkan Sijil Insurans selepas tempoh bertenang, pembatalan tersebut akan berkuat kuasa pada Tarikh Tamat Sijil.

9. Kenyataan ini ditujukan kepada Ahli Utama. Adalah penting untuk Pemegang Polisi Induk membayar premium dalam Tempoh Tangguh untuk melayakan Ahli Utama/Hayat yang Diinsuranskan untuk menerima manfaat penuh di bawah Sijil Insurans ini. Kegagalan membayar premium secara tetap boleh menyebabkan Sijil Insurans menjadi luput.



Badan berikut diberi kuasa untuk memantau pertanyaan dan aduan awam mengenai perkara berkaitan insurans. Anda boleh menghubungi mereka untuk mendapatkan bantuan:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)  
*(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan  
Kewangan)*  
Tingkat 14, Blok Utama,  
Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2272 2811  
Faks: 03-2272 1577

Pengarah,  
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNM LINK)  
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB  
No 10  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465 (Talian Am)  
Faks : 03-2174 1515  
Web : [telelink.bnm.gov.my](http://telelink.bnm.gov.my)

**[Baki Halaman ini sengaja dibiarkan kosong]**

## MAKLUMAT PENTING

### Unit Pengendalian Aduan

Pemegang Polisi Induk dan Ahli Utama,

Kami dengan sukacitanya ingin memaklumkan Anda bahawa selaras dengan syarat Bank Negara Malaysia dan hasrat Syarikat Kami untuk menyediakan anda dengan perkhidmatan yang terbaik dan paling berkesan, Unit Pengendalian Aduan Kami telah ditubuhkan dan telah beroperasi berkuat kuasa dari 1 Jun 2003.

Unit Pengendalian Aduan akan berurusan secara terus dengan Anda. Prosedur khas dan khusus ditubuhkan untuk menyelesaikan aduan secara yang adil dan berkesan. Anda boleh mengemukakan aduan Anda kepada Unit Pengendalian Aduan seperti berikut:

<b>Jawatan:</b>	<b>Pegawai Aduan</b>
<b>Alamat:</b>	<b>Wisma MCIS Jalan Barat 46200 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan</b>
<b>No Tel:</b>	<b>03-7652 3388</b>
<b>No Faks:</b>	<b>03-7958 4388</b>
<b>Emel:</b>	<b>complaint@mcis.my</b>

Aduan sebaik-baiknya hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Unit Pengendalian Aduan melalui serahan tangan, mel biasa, faks atau e-mel.

Laman Web Korporat Kami ialah <http://www.mcis.my> (Pergi ke "Talk To Us" dan rujuk kepada "Complaint Guide" untuk mengetahui bagaimana Anda boleh menghantar aduan formal).

Anda juga boleh berjumpa Kakitangan Perkhidmatan Pelanggan atau cawangan yang terdekat dengan Anda untuk membuat aduan.

Aduan oleh pemegang polisi yang diterima dari semua lokasi dan sumber akan dipantau rapi oleh Unit Pengendalian Aduan untuk memastikan penyelesaian yang memuaskan.

Kami mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Anda kerana memilih Kami sebagai penginsurans anda. Sebagai balasan, Kami memberi jaminan bahawa Anda akan menerima perkhidmatan dan faedah sepertimana yang telah Kami telah janjikan kepada Anda.

Yang benar

**MCIS INSURANCE BERHAD**



Prasheem Seebran  
Ketua Pegawai Eksekutif